

## PEMIKIRAN DAN SIKAP ZA'BA TERHADAP BANGSA MELAYU

HARON DAUD

### PENDAHULUAN

Ketokohan dan keintelektualan Zainal Abidin bin Ahmad yang lebih dikenali dengan Za'ba mungkin tidak perlu dipersoalkan. Sumbangan beliau dalam bidang keilmuan dan pendidikan diakui dengan penganugerahan ijazah Doktor Kehormat Persuratan oleh Universiti Malaya, Singapura pada 1959. Buah fikiran beliau yang bernas dalam berbagai-bagai bidang yang berkaitan dengan orang Melayu seperti ekonomi, politik, agama dan pendidikan melayakkannya digelar Pendita. Za'ba dianggap seorang yang radikal kerana pandangan dan kritiknya yang tajam dalam usaha menyedarkan orang Melayu.<sup>1</sup> Keberanian beliau membuka belunggu kepercayaan tradisional yang mengongkong kemajuan orang Melayu dengan "kunci" agama meletakkannya sebagai tokoh reformis.<sup>2</sup> Walaupun Za'ba telah menduduki tempat yang begitu tinggi, penulis merasakan ia masih boleh dilihat kembali khususnya berhubung dengan pokok pemikiran dan sikap beliau terhadap bangsa Melayu dan pendiriannya terhadap penjajah Inggeris. Untuk tujuan itu, dalam kertas kerja ini, penulis turut melibatkan pandangan dan sikap beberapa tokoh lain seperti Abdullah Abdul Kadir Munshi, Syed Sheikh Al-Hadi, Ahmad bin Muhammad Rashid Talu, Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam.

### PANDANGAN ZA'BA TENTANG BANGSA MELAYU

Sebagai seorang intelektual Melayu, Za'ba tentunya mempunyai pengetahuan yang luas tentang bangsanya. Pada pandangan Za'ba orang Melayu berada dalam serba kekurangan - mundur dan miskin - seperti yang tergambar dalam *Al-Ikhwān*:

Orang-orang kita Melayu ini pada hitungan am atau jumlahnya ialah suatu kaum yang tersangat miskin. Kemiskinan itulah sifatnya yang terlebih sangat lengkap dan nyata daripada lain-lain sifat kebangsaannya dan ialah juga sebesar-besar kekurangan yang menjadikan mereka kalah atau ketinggalan di belakang dalam perlumbaan kemajuan. Miskin pada wang ringgit dan harta benda, miskin pada hemat dan cita-cita, miskin pada pelajaran dan latihan pengetahuan, miskin pada alat-alat kelengkapan otak dan pada beberapa sifat-sifat keperangaian yang tinggi dan mulia - jadilah mereka tak dapat tidak daripada tersangkut dan ketinggalan dalam perjalanan bangsa-bangsa.<sup>3</sup>

Za'ba turut menjelaskan aspek-aspek kemiskinan itu. Pertama, kemiskinan perangai iaitu kemiskinan pada sifat-sifat keperangaian dan kelakuan yang mulia-mulia yang bersatu menjadikan sesuatu kaum itu besar dan tinggi dalam dunianya.<sup>4</sup> Kemiskinan ini menjadikan orang Melayu malas berusaha, boros, pembohong, tidak menepati janji, tidak teguh cita-cita, kurang azam, tidak berhemah tinggi, tidak berakal, tidak berikhtiar sendiri, tidak percaya kepada diri sendiri dan lain-lain.<sup>5</sup> Za'ba mendapati sikap orang Melayu seperti itu sudah sebatian dan menjadi darah daging mereka.<sup>6</sup> Kemiskinan perangai lahir daripada keruntuhan pegangan Islam dan iktikad-iktikad kepercayaannya ke tahap yang begitu rendah, serta adat kebiasaan dan keadaan hidup yang dahsyat yang dialami datuk nenek mereka sebelum kedatangan British.<sup>7</sup>

Kedua, kemiskinan pengetahuan. Menurut Za'ba, ilmu pengetahuan merupakan alat perkakas yang penting dan mesti ada pada seseorang untuk membolehkannya berdiri sendiri dalam semua aspek kehidupan, tetapi orang-orang Melayu miskin pengetahuan sehingga fikiran mereka tertutup. Ini antaranya disebabkan bahan tulisan seperti kitab dan buku hikayat yang ditulis dalam bahasa Melayu tidak bermutu dan tidak dapat membantu untuk meninggikan fikiran.<sup>8</sup>

Ketiga, miskin cita-cita. Pandangan hidup orang Melayu tentang masa depan penuh dengan kemalapan, kemuraman, kesugulan dan tidak pernah merasa riang dan sukacita.<sup>9</sup>

Keempat, miskin agama. Kehidupan beragama dan amal ibadat orang Melayu telah menyimpang daripada ajaran-ajaran asal yang bersih dan hening dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. kerana diselimuti kepercayaan tradisional dan bidaah yang diibaratkan sebagai lumpur, cecairan air daki yang menghanyutkan dan menukar rupa ajaran Islam yang asal.<sup>10</sup>

Kelima, miskin harta benda. Orang Melayu begitu miskin harta kekayaan berbanding dengan orang Cina dan India. Menurut Za'ba, ini antara lain disebabkan sikap malas dan berfikiran sempit kerana menganggap harta tidak berguna dan kekayaan adalah daki dunia.<sup>11</sup>

Dalam menyebut aspek-aspek kemiskinan orang Melayu itu Za'ba turut memberikan sebab-sebabnya. Beliau tidak setuju bahawa keturunan atau baka sebagai satu faktor, kerana menurutnya,

Pada pihak benih dan kebolehan yang tersimpan dalam tabiat kebangsaan mereka itu, adalah mereka mempunyai sifat-sifat kebolehan otak dan ketinggian perangai ... seperti yang dipunyai oleh orang-orang bangsa lain juga.<sup>12</sup>

Mengikut Za'ba, terdapat lima sebab utama kemiskinan orang Melayu.<sup>13</sup>

a) Sistem pemerintahan feodal yang dilaksanakan oleh raja-raja Melayu tidak memberikan kebaikan kepada rakyat. Za'ba menegaskan bahawa keadaan hidup orang Melayu pada zaman pemerintahan raja-raja, sebelum kedatangan

Inggeris, dipenuhi kesempitan, azab sangsara dan kebuasan yang tidak bertanggung oleh rakyat.

b) Keadaan geografi yang baik iaitu iklim yang sesuai dan tanah yang subur untuk tumbuh-tumbuhan memudahkan orang Melayu mendapat makanan. Justeru itu, mereka tidak perlu bersusah payah bekerja dan mencari harta.

c) Orang Melayu suka dan terlalu mengharapkan pertolongan orang lain atau kerajaan dalam banyak hal seperti persekolahan anak-anak dan modal untuk berniaga. Mereka tidak berpegang kepada kebolehan diri sendiri seperti bangsa asing.

d) Golongan muda kebanyakannya sering membuang masa dan leka dengan kesukaan yang sia-sia, lucah dengan menjamu kesedapan syahwat dan hawa nafsu kebinatangan, dan tidak berjimat cermat dalam membelanjakan wang sehingga tidak mengambilkira untuk masa depan.

e) Golongan tua terpesong dengan kepercayaan yang bodoh-bodoh dan ketakutan yang bukan-bukan kepada makhluk halus seperti hantu, syaitan, Jin afrit, pelesit dan lain-lain.

Za'ba juga mengemuka pandangan untuk mengatasi kemiskinan tersebut.<sup>14</sup> Pertama dan utama, orang Melayu mestilah mempunyai kesedaran dalam diri sendiri dan mengubah sikap. Mereka hendaklah yakin dan bergantung kepada diri sendiri dalam melakukan sebarang pekerjaan, membuat pertimbangan tentang sesuatu hal dan bersedia menanggung sendiri segala kesan dan akibat hasil daripada apa yang dikerjakan itu. Sikap sedemikian, penting kerana ia menjadi akar tunjang atau umbi kepada kejayaan serta merupakan asas kemajuan dan kemenangan. Sikap tersebut juga boleh membawa ketinggian umat. Sehubungan itu orang Melayu hendaklah beramal sendiri, mesti bertaqwa, mesti mematuhi seluruh larangan Allah berdasarkan perkiraan sendiri dan tidak mengharapkan doa serta pertolongan orang lain.

Kedua, orang Melayu hendaklah mengganti segala bentuk fikiran kuno dan kolot dengan fikiran baru yang segar, serta menukar segala kepercayaan atau pegangan yang lapuk dan reput kepada kepercayaan yang dapat disaksikan kebenarannya melalui ujian Quran, bersendikan akal dan ilmu pengetahuan.

Ketiga, beratkan ilmu pengetahuan, iaitu maju dalam berbagai-bagai bidang perusahaan dan pekerjaan. Dalam bidang pendidikan hendaklah menitikberatkan tentang bahasa, pandai dalam ilmu fikir, undang-undang, perubatan, kejuruteraan, pemerintahan dan perniagaan sehingga dapat menyaingi bangsa lain yang telah maju, dan keempat, orang Melayu hendaklah berhemah tinggi, tulus hati, amanah, kesungguhan cita-cita, kasihkan kaum, gemarkan faedah ramai dan sebagainya.

Pada fikiran Za'ba, kemiskinan orang Melayu yang dilihatnya pada awal hingga pertengahan abad ke-20 adalah disebabkan orang Melayu sendiri. Justeru kerana “penyakit” yang ada pada orang Melayu itu lahir dari diri sendiri maka orang Melayu harus “mengubati” diri mereka tanpa pertolongan orang lain.

## PENDIRIAN ZA'BA DAN TOKOH-TOKOH LAIN

Meneliti pemikiran dan pandangan Za'ba tentang bangsa Melayu membayangkan beliau adalah seorang anak watan yang prihatin dan sayangkan bangsanya. Za'ba tidak mahu melihat orang Melayu hidup miskin dan ketinggalan dalam arus kemajuan. Beliau tidak sanggup mendengar dan membiarkan orang Melayu diejek oleh kaum lain yang lebih maju,<sup>15</sup> dan tidak senang hati melihat bangsa lain mengaut kekayaan Tanah Melayu. Sehubungan itu beliau pernah mendesak Syed Sheikh Al-Hadi, pengarang *Al-Ikhwān*, supaya kerap membangkitkan soal kemasukan orang China dan India yang beratus ribu orang setiap tahun untuk mencari rezeki di Tanah Melayu.<sup>16</sup> Malah beliau sendiri pernah bersuara,

Orang-orang dagang sentiasa keluar masuk dan pergi datang dalam negeri orang Melayu ini menghimpunkan kekayaan dan menjadikan diri mereka tuan-tuan tanah yang lebar dengan banyak hasilnya, tuan-tuan punya lombong yang tebekang dengan makmur pendapatannya, saudagar-saudagar perniagaan yang hebat-hebat toko gudangnya serta kaya-kaya dan berlipat ganda keuntungannya.<sup>17</sup>

Menyedari keadaan itu Za'ba menyeru orang Melayu supaya bekerja dan berikhtiar sendiri agar dapat ditunjukkan kepada dunia bahawa orang Melayu boleh dan berupaya mendapatkan nikmat yang lebih tinggi dan mulia. Sehubungan itu beliau mengingatkan orang Melayu supaya tidak terus membuang masa; bagi yang berada diminta tidak keluar makan angin bermotokar menderu ke hulu ke hilir tanpa tujuan yang berfaedah, suka berbelanja bagi kesedapan dan kepuasan nafsu sendiri.<sup>18</sup> Jika diteliti, perasaan tidak puas hati terhadap pendatang dan seruan supaya orang Melayu berusaha yang dibuat oleh Za'ba itu bukanlah sesuatu yang baru. Omar Mustaffa, misalnya pernah menyuarakan dengan lantang dalam bentuk puisi melalui akhbar *Utusan Melayu*, 18 Januari 1913, seperti berikut:

### Angan-Angan Dengan Gurindam

Bangkitlah bangkit!  
 Mengapa tidur lama sangat?  
 Di mana dapat mencari negeri yang sekaya negeri kita!  
 Bangkitlah bangkit!  
 Timah dimasak sudahlah hangat  
 Mengapa dibiarkan bangsa lain mengambil bijih kita?  
 Bangkitlah bangkit!

Tidakkah ingin menjadi kaya dengan sangat?  
 Mengapa dibiarkan bangsa lain bertanam getah di tanah kita?  
 Bijih dan getah! Bijih dan getah!  
 Inilah jalan kekayaan yang tentu  
 Hasil negeri kita yang besar dapat di situ  
 Bijih dan getah! Bijih dan getah!  
 Dari sebab itu bangkitlah bangkit!  
 Janganlah asyik dengan berjoget

Lihatlah kekayaan Loke Yew Chow Kit!  
 Hartanya beribu bermiliun ringgit  
 Segeralah tuan jangan lengah  
 Kerana tanah baik budinya  
 Lambat laut usaha dan penat kita dibalasnya.<sup>19</sup>

Kesedaran Za'ba dan Omar Mustaffa seharusnya didengar dan diterima oleh orang Melayu. Masalahnya, berapa ramai yang mendengar seruan yang dibuat melalui akhbar itu. Apakah orang-orang kampung yang kebanyakan buta huruf dapat membacanya. Bagaimana pula dasar pemerintahan dan pendidikan Inggeris ke atas orang Melayu? Persoalan-persoalan itu mungkin terjawab dengan meneliti latar belakang dan sikap Za'ba terhadap Inggeris. Za'ba sejak darjah tiga mendapat pendidikan. Kemudian bekerja dengan Inggeris sehingga Inggeris memerdekakan Tanah Melayu. Menurut Hamdan Hassan, pendidikan Inggeris yang diperolehi Za'ba itu digunakan sebaik-baiknya untuk mengungkapkan kembali segala kemunduran dan kepincangan orang Melayu dalam hal sosio-ekonomi dan amalan agama.<sup>20</sup> Namun kita perlu mengambilkira bahawa pendidikan dan jawatan yang diberikan oleh Inggeris itu ibarat satu "untaian mutiara" yang dikalungkan ke leher Za'ba. Mahu atau tidak Za'ba "terpaksa" melunakkan Inggeris dalam banyak perkara misalnya menggunakan istilah "pemerintah" untuk kolonial British yang "menjajah" Tanah Melayu. Za'ba bukan sahaja tidak menyalahkan Inggeris di atas kemunduran orang Melayu malah mengingatkan orang lain supaya jangan mengkritik Inggeris demi menjaga hati mereka. Perhatikan tulisannya dalam ruangan "Teguran dan Jawabnya", *Al-Ikhwan*, November 1926 yang ditujukan kepada Syed Sheikh Al-Hadi, pengarang akhbar itu. Antaranya berbunyi:

Di dalam "Teriak yang Sebenar" ayat perkataan-perkataan menyebut yang kita diperhambakan oleh *bangsa lain itu* tentu sekali menyaraikan perasaan benci dan tiada setia kepada *pemerintah* kita. Hal kita jadi hamba orang itu tiada disebut-sebut pun kebanyakan kita tahu dan terasa. Sebab itu sebaik-baiknya *jangan disebut* kerana kelak menumbuhkan perasaan sakit hati sahaja kepada *pihak yang memperhambakan* itu. Istimewa pula pada masa ini belum sekali-kali layak kita memajukan perasaan demikian ... Jangan sekali-kali disentuh *bangsa pemerintah* dan kekayaannya dan kekuatan di atas kita kerana *itu semata-mata boleh memarakan api daripada bara yang sememang ada di dalam hati tiap-tiap bangsa yang kena perintah oleh bukan bangsanya*. Dan tiada faedahnya.<sup>21</sup>

Jika kata-kata itu benar-benar lahir daripada fikiran Za'ba, jelas menunjukkan bahawa Za'ba bukan sahaja tidak berjuang menentang penjajah malah menjaga hati Inggeris supaya tidak terpuruk dan sekaligus membendung semangat juang atau nasionalisme yang membara dalam jiwa orang Melayu. Sikap Za'ba terhadap Inggeris lebih jelas dalam pujiannya kepada penjajah itu yang dianggap sebagai penyelamat bangsa Melayu. Katanya:

Peraturan perintah British yang ada ini telah melepaskan mereka [orang-orang Melayu] daripada kejahatan dan kebuasan tuan-tuan penghulunya seperti yang telah lalu itu, tetapi

tiadalah dapat ia melepaskan mereka dengan serta-merta daripada cengkaman kebiasaan yang telah tertempa bentuknya dalam ruangan perkelilingan *tatkala zaman azab sangsara dahulu itu*, jika sekiranya tidak dengan *sebab kedatangan British (yang dikatakan tentera Allah Taala itu)* mengambil akan perintah negeri itu daripada genggamannya tuan-tuan penghulu yang buas dan tidak berperasaan manusia itu, *nescaya orang-orang Melayu ini kesudahannya dalam sedikit kurun lagi tentulah kelak pupus* sekali tersapu wujudnya daripada hitungan jadi satu kaum di antara kaum-kaum manusia di muka bumi ini dengan sebab kezaliman dan kekuasaan tuan-tuan penghulunya yang buas dan liar itu. Orang-orang Melayu zaman itu perlahan-lahan, tetapi tentu sekali, semakin beransur ditelan dan dilulur oleh hantu rimba belantara di kelilingnya, dan nampaknya ada sangatlah tiap-tiap tanda dan alamat yang mereka itu akan mengambil gilirannya jadi kaum Semang dan lain-lainnya bangsa orang liar pula dalam hutannya itu! Tetapi tangan masa *Alhamdulillah! Syukurlah kita kerana orang-orang British datang* - telah menahan akan gerak menggelungsur ke bawah ini: dan pada masa sekarang hanyalah tinggal lagi kerja kita mesti menghapuskan segala keha silan k erja-kerja dan malang yang telah jadi daripada kesalahan-kesalahan zaman dahulu itu dan bertobat (berpaling) serta buat 'kadha' akan pemulih dan pengganti segala taksir yang telah sudah itu.<sup>22</sup>

Sikap Za'ba itu nampaknya hampir sama dengan Syed Sheikh Al-Hadi, seorang wartawan dan tokoh agama kaum muda yang mahukan orang Melayu bergerak secara aktif dalam mengejar kemajuan. Untuk itu Al-Hadi tetapi memuji dan mahu mempertahankan Inggeris supaya kekal menaungi orang Melayu. Menurutnyanya:

Hanya bangsa Inggeris ini tentera daripada Tuhan Rabbulalamin disuruhnya ke mari supaya mengeluarkan kita daripada gelap gelita penjara kebodohan, kezaliman, kejahatan dan kebengisan pemerintah-pemerintah bangsa kita yang asal. Kerana bangsa Inggeris ini kaum yang pandai dan menghormati peraturan pemerintahan dan peraturan keamanan dan makmurkan dunia ... Adapun berfikir apalagi berkata atau bekerja berkehendakkan kerajaan Inggeris melepaskan tangannya daripada negeri kita masa ini iaitulah pada fikiran kita satu dosa yang maha besar di atas watan dan perhimpunan kaum bangsa kita.<sup>23</sup>

Jika Za'ba bersyukur kepada Allah kerana datangnya Inggeris ke Tanah Melayu, Syed Sheikh Al-Hadi pula berdoa supaya Inggeris tetap kekal di sini dan menjadi dosa yang mahabesar sekiranya orang Melayu (termasuk dirinya) berusaha menghalau Inggeris. Dalam hal itu Za'ba dan Al-Hadi seolah-olah "hilang" pegangan

agama kerana sanggup mengatakan bahawa orang-orang Inggeris yang kafir adalah tentera Allah dan dihantar untuk “menyelamatkan” orang Melayu.

Pandangan dan sanjungan Za'ba terhadap Inggeris sebagai penyelamat bangsa daripada menjadi mangsa raja-raja dan ketinggalan zaman adalah senada dengan Ahmad Rashid Talu. Melalui novel *Iakah Salmah?* Ahmad Rashid Talu mengemukakan pandangannya dengan menyebut:

Untung seribu kali untung bagi kita penduduk Straits dan Semenanjung [Tanah Melayu] telah dimasuki oleh bangsa Eropah, bangsa yang sopan dan bangsa yang terpelajar. Kalau tidak, wallahua'lam, apakah jadinya negeri kita ini pun saya tak tahu, tetapi pada fikiran saya tentulah menjadi hutan rimba, semak belukar sahaja. Apatah hal penduduknya? Tentu barangkali tak ubahnya daripada bangsa-bangsa yang masih jauh daripada pengetahuan dan jauh daripada mata dan tilikan mereka yang sopan, iaitu seperti bangsa-bangsa Sakai, Semang serta Jakun yang ada lagi sekarang ini di ulu-ulu negeri Perak, saya lihat.<sup>24</sup>

Sebelum itu beliau telah memuji Inggeris sebagai bangsa dan pemerintah yang membawa keadilan dalam pelbagai bidang kehidupan seperti undang-undang, kebebasan bersuara, mengeluarkan buah fikiran dan beragama sehingga orang Melayu disifatkan sebagai beruntung kerana bernaung di bawah bendera Union Jack, iaitu bendera Inggeris.<sup>25</sup> Sebaliknya beliau mengutuk orang Melayu sebagai bangsa yang lemah dan mundur. Aspek kemunduran orang Melayu itu hampir sama dengan apa yang disebut oleh Za'ba di atas. Bagi Ahmad Rashid Talu kemunduran itu disebabkan keadifan pengetahuan, sempit fikiran, hasad dan takbur, suka bermegah, pentingkan hawa nafsu dan mempercayai adat lama yang kolot.<sup>26</sup>

Lama sebelum tokoh-tokoh di atas (termasuk Za'ba) bersuara, telah ada kritikan ke atas orang-orang Melayu. Abdullah Munshi dalam pelayarannya ke Kelantan pada tahun 1838 menyebut bahawa orang-orang Melayu di Pantai Timur miskin dan malas. Sikap orang Pahang yang malas dan suka berhias dengan memakai pakaian yang cantik dan mahal menyebabkan tanah negeri itu terbiar dan dipenuhi hutan.<sup>27</sup> Orang lelaki di Terengganu juga malas, lalai sepanjang hari dan menghabiskan masa dengan makan tidur dan membaiki senjata.<sup>28</sup> Dalam kritikan itu Abdullah berbeza dengan Za'ba. Beliau meletakkan sebab kemalasan orang Melayu itu di atas bahu raja. Rakyat tidak mahu berusaha kerana tidak ada faedah, jika mereka mendapat hasil, pasti dirampas oleh raja dan pembesar.

Menurut Abdullah, orang Pahang tidak mahu berusaha sebab hasil yang mereka perolehi, baik wang yang sedikit atau makanan niscaya dirampas oleh pembesar.<sup>29</sup> Keadaan yang hampir sama berlaku di Kelantan dan Terengganu. Semasa berada di Terengganu Abdullah menyebut:

Maka adalah pada fikiran mereka itu [rakyat Terengganu], baiklah aku miskin demikian, tiada susah, dapat pagi makan pagi, dapat petang makan petang. Dan kalau ada berharta atau berumah baik atau berladang dan kebun besar, nescaya dicarikan raja sesuatu jalan, diambilnya dan dipinjamnya atau dipintanya. Maka, jikalau tiada diberi, dirampasnya, dan kalau

melawan habis sekalian anak buah dibunuhnya dan didendanya.<sup>30</sup>

Perbezaan yang ketara antara pemikiran dan sikap Za'ba dengan Abdullah ialah Za'ba tidak memperlihatkan sedikitpun kebolehan dan keupayaan orang Melayu. Bagi Za'ba, kemiskinan yang ada dalam berbagai-bagai aspek hidup melengkapkan syarat “kekosongan” orang Melayu, sedangkan Abdullah, mungkin secara tidak sedar, masih menyebut kekayaan negeri-negeri Pantai Timur seperti tanaman, ternakan dan galian. Di Pahang terdapat sayur-sayuran, kelapa, keladi, tebu, pisang, emas dan timah. Terengganu kaya dengan hasil dusun, ternakan dan makanan. Di Kelantan, setiap kampung yang dilawati Abdullah terhadap banyak kerbau, lembu dan kambing yang gemuk, malah di Kampung Laut digambarkan seperti berikut:

Maka sahaya lihat dalam segala kampung-kampung itu, tiada yang lain kelihatan melainkan nyiur dan pisang dan pohon buah-buahan seperti durian dan rambutan dan rambai langsung. Maka buah pinang pun bertimbun-timbun terlalu banyak.<sup>31</sup>

Hasil negeri yang begitu banyak di Pahang, Terengganu dan Kelantan, tentunya diusahakan oleh orang-orang Melayu. Tambahan pula Abdullah turut menyebut penglibatan orang Melayu, khususnya kaum perempuan dalam perniagaan di pasar Terengganu dan Kelantan. Apakah mereka masih malas jika diukur dengan taraf hidup dan keadaan zaman itu? Jika pandangan Muhammad Ibrahim Munshi, anak Abdullah Munshi, pada tahun 1871 tentang Melaka, yang disifatkan kaya dengan hasil tanaman dan memuji orang Melayu di situ sebagai rajin dan makan dari hasil usaha tangan sendiri,<sup>33</sup> nampaknya orang-orang Melayu yang disebut “malas” oleh Abdullah tidak jauh dari itu kerana mereka juga bercucuk tanam, menternak binatang, menangkap ikan dan berniaga.

Dari segi sikap terhadap Inggeris, sebagaimana Za'ba, Abdullah juga memuji Inggeris yang disifatkan sebagai kuasa yang membawa kesenangan dan keadilan kepada orang ramai sehingga lima enam orang Kelantan yang baru menemuinya sanggup perti ke Singapura untuk hidup di bawah perintah Inggeris meskipun sebagai hamba Abdullah,<sup>33</sup> tetapi beliau tidaklah sampai mengangkat Inggeris itu sebagai tentera daripada Allah untuk menyelamatkan orang Melayu.

## MELANGKAH RANJAU

Membicarakan pemikiran dan sikap Za'ba serta tokoh-tokoh lain terhadap bangsa Melayu tanpa melihat dasar pemerintahan Inggeris dirasakan kurang lengkap kerana pemerintah tetap memainkan peranan penting ke atas rakyat dan negara. Dalam usaha Inggeris meneruskan penjajahan ke atas Tanah Melayu, ia bertindak bijak dengan melaksanakan dasar perlindungan. Pemimpin Melayu dari semua peringkat disogok dengan fahaman “perlindungan penuh insaf” sehingga sebahagian daripada mereka hilang kepercayaan kepada diri sendiri dan enggan merdeka selagi



Melayu belum benar-benar berdikari hasil tunjuk ajar Inggeris.<sup>34</sup> Rakyat jelata pula disogok-asuhkan dengan nilai-nilai impian indah golongan istana dan didik supaya patuh secara membuta tuli kepada mereka. Dalam pada itu Inggeris menghentam golongan istana. Dengan itu sikap patuh rakyat kepada pemerintah akan berpindah daripada raja-raja kepada Inggeris.<sup>35</sup>

Sebagaimana Portugis dan Belanda di Melaka, Inggeris juga mengamalkan dasar memeras dan memonopoli perdagangan di Tanah Melayu. Ini mengakibatkan orang Melayu mundur dan ketinggalan dalam bidang ekonomi dan pendidikan.<sup>36</sup> Dalam bidang pendidikan, Inggeris menjalankan dasar yang bertujuan mengekalkan orang Melayu dengan pekerjaan tradisi mereka iaitu menjadi petani dan nelayan, dan membekalkan pekerja kolar putih dalam perkhidmatan awam sebagai pegawai rendah dan menengah serta sektor perniagaan.<sup>38</sup> Untuk tujuan dan keperluan itu Inggeris tidak menyediakan kemudahan pendidikan kepada orang Melayu. Pada tahun 1920-an tidak ada Sekolah Menengah Melayu kecuali Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim untuk melatih bakal-bakal guru. Maktab Melayu Kuala Kangsar beraliran Inggeris dikhaskan untuk anak-anak golongan bangsawan dan pembesar Melayu, cuma sedikit ruang dibuka kepada orang biasa. Sesuai dengan dasar itu Swettenham berpendapat adalah membuang masa bagi orang-orang Melayu mendapatkan pendidikan yang lebih tinggi.<sup>39</sup> Dasar pendidikan Inggeris itu menjadikan keadaan pendidikan Melayu sangat menyedihkan.<sup>40</sup> Hanya segelintir orang Melayu sahaja yang berpeluang mendapat pendidikan Inggeris dengan baik, di antara mereka termasuklah Za'ba dan Ishak Haji Muhammad.

Menurut Abdul Rahman Haji Ismail, terdapat cukup bukti bahawa dasar dan sistem penjajahan itu telah melumpuhkan langkah dan gerak orang Melayu dalam mengejar kemajuan dunia moden, malah sewaktu Inggeris meninggalkan Tanah Melayu, bangsa Melayu adalah suatu tubuh yang telah lumpuh segala anggota mereka.<sup>41</sup> Lagipun, *Utusan Melayu*, membayangkan yang Inggeris turut bertanggungjawab ke atas nasib atau kedaifan orang Melayu kerana seperti yang diketahui umum, orang Melayu telah menyerahkan diri dan negara mereka kepada Inggeris sudah hampir 100 tahun.<sup>42</sup> Berdasarkan alasan-alasan tersebut, di manakah peranan Inggeris sebagai tentera Allah yang dihantar untuk menyelamatkan orang Melayu seperti yang didakwa oleh Za'ba dan mereka yang sealiran dengannya? Dalam soal itu setiap orang Melayu yang berfikir dan mempunyai semangat kebangsaan tentu mengetahui dasar dan sikap penjajah Inggeris, tinggal lagi sejauhmanakah kesedaran dan kesanggupan mereka serta langkah yang diambil untuk berhadapan dengan ranjau Inggeris?

Berdasarkan sikap Abdullah Munshi, Syed Sheikh Al-Hadi, Ahmad Rashid Talu dan Za'ba, mereka boleh disifatkan sebagai golongan yang "selamat" kerana tidak mengusik atau memijak ranjau Inggeris. Bagi mereka, Inggeris semuanya baik dan kemunduran serta kemiskinan orang Melayu adalah disebabkan diri sendiri atau raja-raja mereka. Namun begitu tidak semua orang Melayu berpendirian demikian,

misalnya Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam. Dari segi pendidikan Ishak hampir sama dengan Za'ba. Mereka sama mendapat didikan Inggeris hingga ke peringkat menengah. Kedua-dua diberikan jawatan baik dalam pentadbiran Inggeris. Apa yang berbeza ialah sikap. Ishak bukan seorang "yes man", tidak memberi muka kepada Inggeris dan jika didapati orang Inggeris melakukan sesuatu yang tidak betul, ia menegurnya secara terus terang.<sup>43</sup> Sikapnya yang bukan "yes man" dan tidak mahu mengikut telunjuk Inggeris menyebabkan ia meletakkan jawatan sebagai Majistret.<sup>44</sup> Beliau menuntut Inggeris supaya melaksanakan dasar "sama rata sama rasa" dan untuk menjayakan dasar itu Inggeris hendaklah "menunaikan kewajibannya" membangunkan masyarakat dan negara, di samping itu orang Melayu sendiri hendaklah mengubah sikap sehingga mereka tidak tertinggal dalam semua bidang.<sup>45</sup> Ishak Haji Muhammad ternyata lebih berani dan radikal tanpa mengira kepentingan diri sendiri berbanding dengan Za'ba. Ishak terang-terang menentang Inggeris secara politik melalui Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang ditubuhkan pada Ogos 1945 untuk menuntut kemerdekaan. Melalui watak Ratu Bongsu dalam *Putera Gunung Tahan*, Ishak mengingatkan dan menyindir Inggeris seperti berikut:

Hendaklah tuan [William] ingat bahawa gunung ini dan tanah-tanah di kelilingnya ini adalah di bawah perintah saya, hak dan milik saya. Janganlah tuan cakap mudah-mudah hendak ambil dan dijadikan kayangan bagi kesenangan dan faedah tuan dan rakan-rakan tuan. Sebenarnya tuan dan bangsa tuan suatu bangsa yang terpuji dan kerajaan tuan sebuah kerajaan yang terbesar dan gagah sekali di dalam dunia ini tetapi jaga-jaga jangan melanggar hak dan milik orang lain. Saya tidak sekali-kali akan membenarkan dan menjualkan tanah air saya yang secebis ini walaupun dibayar dengan harga setinggi gunung ini atau walaupun diberi gelaran yang panjang-panjang dan dianugerahkan oleh kerajaan tuan bintang kebesaran berpuluh-puluh butir.<sup>46</sup>

Kelantangan dan keberanian Ishak menghentak langkah dengan memijak ranjau bukan sahaja ia hilang kedudukan dalam kerajaan malah dipenjarakan sejak 1948-1953 apabila Undang-Undang Darurat diisytiharkan.

Tokoh lain yang lantang dan berani seperti Ishak ialah Ahmad Boestamam. Beliau adalah pengasas dan pemimpin Angkatan Pemuda Insaf (API) yang ditubuhkan pada Februari 1946, kira-kira tiga bulan sebelum lahirnya UMNO. Boestamam melalui pertubuhan politiknya boleh dikatakan lebih berani daripada Ishak kerana ia bukan sahaja memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu secara menyeluruh tetapi sanggup bermandi darah jika perlu seperti yang terdapat dalam petikan perjuangan API iaitu "MERDEKA dengan DARAH". Sikap Boestaman yang anti penjajah dan tidak mementingkan dari jelas terbayang apabila beberapa kali dia menolak tawaran Inggeris untuk bekerjasama dengan pemerintah walaupun tawarannya amat lumayan iaitu sebuah rumah, sebuah kereta dan wang \$1000.00 untuk setiap laporan sebanyak dua kali seminggu mengenai pergerakan Dr. Burhanuddin dan Ishak Haji Muhammad.<sup>47</sup> Pada masa yang lain beliau ditawarkan kemudahan yang

hampir sama dengan gaji bulanan \$750.00 sekiranya sanggup menggerakkan API untuk Inggeris. Tawaran yang dibuat oleh Birch, Ketua Pegawai Polis Selangor itu ditolak dengan ejekan:

Tawaran tuan itu datangnya terlalu awal, .... Nantilah bila saya telah duduk dahulu di jambatan Java Street sambil memegang sayak atau tempurung di tangan meminta sedekah kepada orang-orang yang lalu lalang di sana sesen dua sen baru tuan datang dengan tawaran itu. Mungkin pada ketika itu saya akan menerimanya, tetapi tidak sekarang.<sup>48</sup>

Sebagaimana Ishak yang berani membuka langkah di atas ranjau, Ahmad Boestamam juga menerima nasib yang sama. Ia dipenjara selama tujuh tahun (1948-1955), dua tahun lebih lama daripada Ishak Haji Muhammad.<sup>49</sup>

Manakala perjalanan Za'ba ternyata selamat kerana langkahnya tidak terkena ranjau. Dalam bidang politik, misalnya, ia berbeza dengan Ishak dan Boestamam. Jika Ishak memimpin PKMM dan Boestamam menerajui API, Za'ba hanya salah seorang pengasas UMNO dan pernah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Bertindak di bawah Persatuan Melayu Selangor untuk menyatukan tenaga persatuan-persatuan Melayu, Raja-Raja dan Pemimpin Melayu bertujuan menentang Malayan Union, tetapi beliau menarik diri selepas mesyuarat agung dengan kesedaran bahawa politik bukan lapangannya dan tidak cenderung dengan slogan-slogan besar seumpama yang dilaungkan oleh PKMM dan API.<sup>50</sup> Jalan yang dipilih oleh Za'ba menyelamatkan dirinya dari terkena ranjau dan membolehkan ia melancong ke negara-negara Eropah sewaktu dihantar bertugas di London. Sekembalinya dari London Za'ba mendapat kedudukan yang lebih baik, berjawatan tinggi, anugerah dan gelaran.

## KESIMPULAN

Meneliti pemikiran dan sikap Za'ba serta tokoh-tokoh di atas, mereka mempunyai sebab tersendiri. Abdullah Munshi jelas anti raja Melayu dan pro Inggeris. Itu tidak menghairankan kerana di dalam tubuhnya tidak mengalir darah Melayu. Ia menjadi "Melayu" cuma secara kebetulan dia berbahasa Melayu dan sama agama dengan orang Melayu. Bagi Abdullah, orang Melayu malas dan miskin, tetapi beliau juga melaporkan negeri-negeri di Pantai Timur kaya dengan hasil tanaman, binatang ternakan dan galian seperti yang telah ditegaskan tadi. Siapakah yang mengusahakannya? Berdasarkan catatannya semasa belayar ke Kelantan, ternyata sasaran sebenar Abdullah ialah raja-raja Melayu. Beliau menghentam Raja Pahang, Terengganu dan Kelantan berpandukan pandangan beberapa orang kampung yang ditemuinya. Abdullah berbuat demikian kerana itulah yang dikehendaki dan sikap Inggeris terhadap raja-raja. Sikap Abdullah yang memandang rendah kepada raja Melayu terbayang dalam kata-katanya semasa menolak "pelawaan" Tengku

Temena di Sabak, Kelantan untuk melantiknya sebagai Kadi dan Khatib:

Kalau boleh, Tengku, sahaya pohonkan kepada Allah, janganlah kiranya dihidupkannya sahaja dalam Negeri Melayu. Dan dijauhkan Allah berdekat dengan raja-raja kerana orang yang hampir kepada raja-raja itu seperti bersahabat dengan ular yang bisa, maka salah sedikit dipatuknya biji mata.<sup>51</sup>

Sebaliknya, Abdullah begitu setia kepada Inggeris sehingga sanggup meredah peluru untuk menemui Raja Kelantan kerana hendak menyerahkan surat Bonhan dari Singapura. Katanya kepada Raja Bendahara,

TuanKu, kalau ada ampun, patik pohonkan juga ke bawah duli hendaklah menyampaikan surat itu ke dalam kubu. Maka jikalau patik mati pun, apalah boleh buat, sebab menyampaikan kehendak tuan patik.<sup>52</sup>

Kesetiaan Abdullah kepada Inggeris hampir menyamai kesetiaan Hang Tuan kepada Raja Melaka. Hang Tuah tidak mempunyai kepentingan diri, manakala Abdullah, mungkin mempunyai sebab tertentu seperti yang terbayang dalam perbualannya dengan Tuan North dan Tuan Travelli sebelum ia pergi ke Kelantan sebagai juru bahasa saudagar China dan Yahudi, menaiki perahu dengan upah \$80.00. Kata Tuan North, “Kalau tuan boleh dapat untung, sahaya pun suka, *supaya boleh menjadi ringan hutang-hutang tuan.*”<sup>53</sup>

Keadaan itu memungkinan Abdullah melakukan apa sahaja untuk melunaskan hutang, tetapi nampaknya tidaklah sampai meniru Kitul yang membawa “berita” penderhakaan Tun Mutahir kepada Raja Mendeliar. Sebagai upah, hutang emasnya sebanyak satu kati dilangsaikan.

Demikian juga dengan Syed Sheikh Al-Hadi dan Ahmad Rashid Talu, mereka adalah wartawan dan penulis yang biasanya bergantung hidup kepada mata pena. Mahu atau tidak mereka kenalah memuji Inggeris sebagai pembawa “bahagia” dan sebaliknya menghentam orang Melayu kerana malas dan kezaliman raja-raja. Ini berbeza dengan Ishak haji Muhammad dan Ahmad Boestamam, mereka secara terang-terangan menentang Inggeris. Ishak yang pernah dibela oleh Inggeris, sanggup meninggalkan “kemewahan” kerana memperjuangkan hak rakyat demi mencapai kemerdekaan tulen, bebas daripada cengkaman penjajah Inggeris, pengaruh feudal dan rakyat yang berjiwa kerdil serta malas. Ratu Bongsu dalam *Putera Gunung Tahan* yang satu ketika dijadikan alat untuk mengkritik dan mempersendakan Inggeris melalui William kerana isterinya di England berseronok dengan lelaki lain, telah digunakan pula untuk menyindir raja-raja Melayu setelah William mati. Ratu Bongsu melahirkan hasrat untuk memperisterikan janda William yang sundal itu dan berjanji menjadikannya permaisuri. Berdasarkan sikap dan perjuangannya, Ishak boleh dianggap sebagai pejuang yang ideal.

Ahmad Boestamam pula boleh dikatakan pejuang bangsa yang paling radikal kerana amat berani menentang Inggeris. Baginya, orang Melayu, baik atau

buruk, adalah Melayu dan perlu dibebaskan daripada cengkaman Inggeris. Ramai tokoh yang berusaha supaya Inggeris meninggalkan Tanah Melayu, tetapi tidak ramai yang segigih dan senasib dengan Ishak dan Boestamam yang berjuang membebaskan bangsa dan negara Melayu dan sekali gus merintis jalan ke penjara.

Kecuali Abdullah Munshi, tokoh-tokoh lain yang dibicarakan tadi adalah rakan-rakan atau seangkatan dengan Za'ba. Dari segi sikap terhadap Inggeris nampaknya Za'ba sealiran dengan Abdullah, Al-Hadi dan Talu. Sebagai orang Melayu, keturunan Bugis dan Minangkabau - yang berpengetahuan luas dan kenal Ibrahim Yaakub, Ishak Haji Muhammed dan Boestamam, tentunya Za'ba tahu akan "mainan" Inggeris. Menurut Abdullah Rahman Haji Ismail, Za'ba merupakan salah seorang yang datang menuduh Inggeris sebagai penghalang perkembangan minda orang Melayu, menyemai benih perpecahan di kalangan orang Melayu dan menjadikan mereka berperasaan rendah diri serta berjiwa hamba.<sup>54</sup> Malah beliau pernah menyuarakan seperti berikut:

Jika sekiranya kita sedar dan juga mempunyai akal yang sempurna betapakah boleh reda kita bangsa yang lain daripada bangsa kita sendiri menjadi wasi kuasa atas kehidupan kita, atau menjadi penjaga atas kita di dalam tanah air watan kita sehingga jika mereka itu tidak menyediakan pakaian, perkakas, tempat kediaman dan menyediakan alatan perkakas yang boleh menyampaikan kita kepadanya nescaya matilah kita lapar dan bertelanjang. Pada hal mereka itu tidak sekali-kali menyediakan segala mata benda itu bagi kita melainkan kerana

hendak mengemukakan kita sendiri supaya dapat mereka itu menggunakan kita sebagaimana mereka menggunakan enjin kilang.<sup>55</sup>

Tulisan-tulisan Za'ba yang bernada demikian terhadap Inggeris, menurut Hamdan Hassan, dianggap merbahaya dan menabur benih yang tidak setia kepada pemerintah.<sup>56</sup>

Walaupun ada tanda-tanda rasa tidak senang hati Za'ba kepada Inggeris, namun ia hanya terbayang pada sekitar 1917 hingga 1926. Selepas itu pukulan cenangnya terarah kepada orang Melayu semata-mata: Melayu bodoh, Melayu kolot, Melayu malas, Melayu miskin. Ini menunjukkan orang Melayulah yang menimbulkan masalah kepada diri mereka sendiri. Jadi untuk mengatasinya, Za'ba semacam mencadangkan ditambah saja kata "jangan" di antara rangkai kata itu menjadi: orang Melayu jangan bodoh, Melayu jangan kolot, Melayu jangan malas dan Melayu dengan miskin. Cadangan begini membayangkan Za'ba seorang yang kehabisan upaya untuk melakukan sesuatu ke atas pihak yang sepatutnya atau bagi melepaskan perasaan yang terpendam sehingga terpaksa "memukul bini untuk menyindir mertua". Ini terjadi besar kemungkinan kerana untaian mutiara yang dihadiahkan Inggeris masih terkalung di lehernya. Sebagai penutupnya, di mana pun kedudukan dan siapa pun Za'ba dalam konteks pemikiran dan sikapnya terhadap bangsa Melayu, ia tetap penting dalam bidang keilmuan dan keserjanaan sehingga layak digelar Pendita.

<sup>1</sup>Hamdan Hassan, "Ringkasan Riwayat Hidup Za'ba", dalam Mohd Taib Osman dan Hamdan Hassan (peny.), *Bingkisan Kenangan Untuk Pendita*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1978, hlm. xii.

<sup>2</sup>Mohd Taib Osman, *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984, hlm. 102.

<sup>3</sup>Za'ba, "Kemiskinan Orang Melayu", *Al-Ikhwān*, Mac 1927, disiarkan semula dalam, Abdullah Hussain dan Khalil Hussain, *Pendita Za'ba Dalam Kenangan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1974, hlm. 206.

<sup>4</sup>*Ibid.*, hlm. 191.

<sup>5</sup>*Ibid.*, hlm. 209.

<sup>6</sup>*Ibid.*, hlm. 191.

<sup>7</sup>*Ibid.*, hlm. 209.

<sup>8</sup>Pendita Za'ba, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984, hlm. 34.

<sup>9</sup>Za'ba, "Kemiskinan Orang Melayu", *Al-Ikhwān*, Mac 1927, disiarkan semula dalam, Abdullah Hussain dan Khalil Hussain, *Pendita Za'ba Dalam Kenangan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1974, hlm. 207.

<sup>10</sup>*Ibid.*, hlm. 208.

<sup>11</sup>*Ibid.*

<sup>12</sup>*Ibid.*, hlm. 207.

<sup>13</sup>*Ibid.*, hlm. 207.

<sup>14</sup>*Ibid.*, hlm. 208-210; lihat juga Pendita Za'ba, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984, hlm. 16.

<sup>15</sup>Pendita Za'ba, *Perangai Bergantung kepada Diri Sendiri*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984, hlm. 3-9 dan 38; Lihat juga Za'ba, "Kemiskinan Orang Melayu", dlm. Abdullah Husain dan Khalil Hussain, *op. cit.* hlm. 196-96.

<sup>16</sup>Za'ba, "Kemiskinan Orang Melayu" dlm. Abdullah Hussain dan Khalil Hussain, *op. cit.*, hlm. 200.

<sup>17</sup>*Al-Ikhwān*, Nov. 1926. Lihat juga Abdullah Hussain dan Khalid Hussain, *op. cit.*, hlm. 231-32.

<sup>18</sup>*Ibid.*, hlm. 213.

<sup>19</sup>*Ibid.*, hlm. 200.

<sup>20</sup>Lihat Puan Husayn dan Suhaimi Haji Muhammad, (peny.), *Embun Pagi (Antologi Puisi Sebelum Perang)*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 151.

<sup>21</sup>Lihat, Hamdan Hassan, "Pendahuluan" dalam Za'ba, *Falsafah Takdir*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 19.

<sup>22</sup>*Al-Ikhwān*, Nov. 1926, Lihat juga Abdullah Hussain dan Khalid Hussain, *op. cit.*, hlm 231-32.

<sup>23</sup>*Al-Ikhwān*, Mac-Mei 1927, *ibid.*, hlm. 211.

<sup>24</sup>*Al-Ikhwān*, Nov. 1926, *ibid.*, hlm. 234-35.

<sup>25</sup>Ahmad Rashid Talu, *Iakah Salmah*", Penerbit Fajar Bakti, Petaling Jaya, 1983, hlm. 142-43.

<sup>26</sup>*Ibid.*, hlm. 135-36.

<sup>27</sup>*Ibid.*, hlm. 126-29.

<sup>28</sup>Abdullah A. Kadir Munshi, *Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan*, (peny.) Kassim Ahmad, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 9.

<sup>29</sup>*Ibid.*, hlm. 28.

<sup>30</sup>*Ibid.*, hlm. 19.

<sup>31</sup>*Ibid.*, hlm. 28-29.

<sup>32</sup>*Ibid.*, hlm. 55.

<sup>33</sup>Mohd Fadzil Othman, (peny.), *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 39-40.

<sup>34</sup>Abdullah A. Kadir Munshi, *op. cit.*, hlm. 71.

<sup>35</sup>Abdul Rahman Haji Ismail, "Silat dan Silau Imperialisme British di Tanah Melayu: Langkah dan Buah", dalam Cheah Boon Kheng dan Abu Talib Ahmad, (peny.), *Kolonialisme Di Malaysia dan Negara-Negara Lain*, Penerbit Fajar Bakti, Petaling Jaya, 1990, hlm. 88-89.

<sup>36</sup>*Ibid.*, hlm. 96.

<sup>37</sup>*Ibid.*, hlm. 90.

<sup>38</sup>Tan Liok Ee, "Dasar Pendidikan Dalam Konteks Dekolonisasi: Semenanjung Tanah Melayu, 1945-55" dalam Cheah Boon Kheng dan Abu Talib Ahmad, (peny.), *op. cit.*, hlm. 205-06.

<sup>39</sup>Abdul Rahman Haji Ismail, *op. cit.*, hlm. 91-92.

<sup>40</sup>Tan Liok Ee, *op. cit.*, hlm. 211.

<sup>41</sup>Abdul Rahman Haji Ismail, *op. cit.* hlm. 104-06.

<sup>42</sup>*Utusan Melayu*, 22 Okt. 1945.

<sup>43</sup>Wahba, *Biografi Pak Sako: Hidup Meniti Ranjau*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 22.

<sup>44</sup>Abdul Latiff Abu Bakar, *Ishak Haji Muhammad: Penulis dan Ahli Politik Sehingga 1948*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1977, hlm. 16.

<sup>45</sup>*Ibid.*, hlm. 81.

<sup>46</sup>Ishak Haji Muhammad, *Putera Gunung Tahan*, Pustaka Budaya Agensi (terbitan pertama 1938), Petaling Jaya, 1977, hlm. 58-59.

<sup>47</sup>Ahmad Boestamam, *Tujuh Tahun Malam Memanjang*, Amir Enterprise, Kuala Lumpur, 1976, hlm. 7.

<sup>48</sup>Ahmad Boestamam, *Merintis Jalan Ke Puncak*, Penerbitan Pustaka Kejora, Kuala Lumpur, 1972, hlm. 98.

<sup>49</sup>Ahmad Boestamam, *Tujuh Tahun Malam Memanjang*, Amir Enterprise, Kuala Lumpur, 1976; Lihat juga bukunya, *Datuk Onn Yang Saya Kenal*, Penerbitan Adabi, Kuala Lumpur, 1976, hlm. 36.

<sup>50</sup>Abdullah Hussain dan Khalid Hussain, *op. cit.*, hlm. 76.

<sup>51</sup>Abdullah A. Kadir Munshi, *op. cit.*, hlm. 73.

<sup>52</sup>*Ibid.*, hlm. 43.

<sup>53</sup>*Ibid.*, hlm. 2.

<sup>54</sup>Abdul Rahman Haji Ismail, *op. cit.*, hlm. 92.

<sup>55</sup>Za'ba, "Teriak Yang Benar", *Al-Ikhwān*, 10 Okt. 1926; lihat juga Hamdan Hassan, "Pengaruh Pemikiran Pembaharuan Islam Dari India", dalam Mohd. Taib Osman dan Hamdan Hassan, *op. cit.*, hlm. 168.

<sup>56</sup>Hamdan Hassan, *op. cit.*, hlm. 169.